



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK ASZHARI BIN HASSIM**

**BEKAS RENJER TAMAN NEGARA GUNUNG LEDANG**

**MENGENAI PERKISAHAN PUTERI GUNUNG LEDANG**

**NUR AUNI BINTI MUHAMMAD RAZIFF**

**(2021949991)**

**NABILA FATIHA BINTI ROSLY**

**(2021117435)**

**SEMESTER MAC 2022 – JULY 2022**

## ISI KANDUNGAN

| <b>BIL.</b> | <b>KANDUNGAN</b>                        | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------|-----------------------------------------|-------------------|
|             | <b>ABSTRAK</b>                          | <b>i- ii</b>      |
|             | <b>PENGHARGAAN</b>                      | <b>iii – iv</b>   |
|             | <b>SENARAI ABREVIASI</b>                | <b>2</b>          |
|             | <b>SENARAI SINGKATAN</b>                | <b>4</b>          |
|             | <b>RUJUKAN KATA</b>                     | <b>6</b>          |
| <b>1.0</b>  | <b>BIODATA PENEMUBUAL</b>               | <b>8 - 9</b>      |
| <b>2.0</b>  | <b>BIODATA TOKOH</b>                    | <b>11</b>         |
|             | <b>2.1 PENGENALAN TOKOH</b>             |                   |
| <b>3.0</b>  | <b>SEJARAH LISAN</b>                    | <b>13 - 16</b>    |
|             | <b>3.1 PENGENALAN</b>                   |                   |
|             | <b>3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN</b>       |                   |
|             | <b>3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN</b>    |                   |
| <b>4.0</b>  | <b>KAJIAN LITERATUR</b>                 | <b>18 - 21</b>    |
|             | <b>4.1 TOPIK 1</b>                      |                   |
|             | <b>4.2 TOPIK 2</b>                      |                   |
| <b>5.0</b>  | <b>TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH</b> | <b>23 - 110</b>   |
| <b>6.0</b>  | <b>LOG TEMUBUAL</b>                     | <b>112 - 123</b>  |
| <b>7.0</b>  | <b>RALAT</b>                            | <b>125</b>        |
| <b>8.0</b>  | <b>GLOSARI</b>                          | <b>127</b>        |
| <b>9.0</b>  | <b>INDEKS</b>                           | <b>129 - 133</b>  |
| <b>10.0</b> | <b>BIBLIOGRAFI</b>                      | <b>135 - 137</b>  |
| <b>11.0</b> | <b>LAMPIRAN</b>                         | <b>139 - 150</b>  |
|             | <b>11.1 BIOGRAFI TOKOH</b>              |                   |
|             | <b>11.2 PERJANJIAN</b>                  |                   |
|             | <b>11.3 SENARAI SOALAN</b>              |                   |
|             | <b>11.4 DIARI PENYELIDIKAN</b>          |                   |
|             | <b>11.5 GAMBAR YANG BERKAITAN</b>       |                   |

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA BEKAS RENJER GUNUNG LEDANG MENGENAI PERKISAHAN PUTERI GUNUNG LEDANG

**ABSTRAK:** *Transkrip ini mengandungi rakaman temubual bersama seorang tokoh yang merupakan bekas renjer di Gunung Ledang iaitu Encik Mohd Aszahari bin Hassim yang telah menyumbangkan kerjasama untuk memberi penerangan berkaitan dengan sejarah penubuhan Taman Negara Gunung Ledang serta mistik dan mitos Puteri Gunung Ledang. Sesi temubual telah dijalankan pada 21 Mei 2022 bersamaan dengan hari Isnin. Durasi bagi sesi temubual berlangsung sehingga 2:44:34 jam. Selepas mendapat persetujuan, telah diadakan sesi tersebut bertempat di Tiger Basecamp, Sedili, Johor yang merupakan lokasi tapak rekreasi dan perkhemahan. Telah ditujukan kepada beliau akan soalan-soalan berkaitan dengan objektif untuk melengkapkan hasil kajian. Soalan-soalan yang dirangka telah dibahagikan kepada beberapa bahagian yang berbeza untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih spesifik. Iaitu orientasi, umum dan pandangan. Bahagian pertama berpaksikan kepada soalan yang terjurus kepada latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang berkhidmat sebagai renjer di Gunung Ledang. Manakala bahagian dua memfokuskan kepada pendapat serta pandangan beliau terhadap beberapa isu atau fakta yang berkaitan dengan topik kajian. Bahagian tiga merupakan soalan khusus yang telah dirangka dengan berdasarkan objektif kajian yang digubal. Menjalani projek Sejarah Lisan itu akan membuka ruang bagi seseorang untuk mengenali tokoh dengan mendalam melalui kaedah wawancara ataupun soal selidik. Diharapkan agar perkisahan Gunung Ledang ini terus-menerus disampaikan untuk memastikan ia kekal terpelihara dan terus-menerus diketahui sebagai cerita rakyat yang berharga.*

**Kata Kunci:** Encik Mohd Aszahari bin Hassim, Puteri Gunung Ledang, Bidang Perhutanan, Kearifan Tempatan, Sejarah Lisan

**ABSTRACT:** *This transcript contain a recording of an interview with a figure who is a former ranger in Gunung Ledang, namely Encik Mohd Aszahari bin Hassim who has contributed cooperation to provide information related to the history of the establishment of Gunung Ledang National Park and the mysticism and myth of Puteri Gunung Ledang. The interview session was conducted on 21 May 2022 corresponding to Monday. The duration of the interview session lasted until 2:44:34 hours. After obtaining approval, the session was held at Tiger Basecamp, Sedili Kota Tinggi, Johor which is the location of a recreation and camping site. Questions related to the objective were addressed to him to complete the results of the study. The framed questions were divided into several different sections to obtain more specific study results. It is orientation, general and views. The first part focuses on questions that focus on his background and experience while serving as a ranger in Gunung Ledang. While part two focuses on his opinions and views on some issues or facts related to the topic of study. Part three is a specific question that has been framed based on the objectives of the study formulated. Undergoing the Oral History project will open a space for a person to get to know the figure in depth through interviews or questionnaires. It is hoped that the story of Gunung*

## PENGHARGAAN



*"Dengan nama Allah S.W.T, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang."*

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada akhirnya transkrip bagi temubual ini telah berjaya dilengkapkan oleh kumpulan kami walau terdapat beberapa dugaan malah rintangan yang perlu dihadapi sepanjang pembabitan dalam penyediaan transkrip ini. Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih yang ingin ditujukan kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin, sebagai selaku pensyarah kami yang telah memberikan banyak bimbingan serta tunjuk ajar, perhatian, semangat serta nasihat yang diberikan kepada kami ketika dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Pelbagai bantuan, strategi malah idea yang bernas dilontarkan oleh beliau telah banyak mengajar kami dalam menjadi seorang penyelidik dan juga seorang bakal penyelidik yang berketerampilan tinggi pada masa akan datang.

Tidak terlupa juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor iaitu Kampus Segamat yang telah banyak membantu kami dalam memberikan bantuan dengan berkongsi ilham-ilham yang berkaitan dengan Puteri Gunung Ledang secara lebih terperinci bagi kami menyelesaikan kajian ini dengan jayanya. Tanpa panduan secara tidak langsung yang diberikan oleh rakan-rakan sekelas juga, tidak dapatlah kami menghasilkan transkrip yang berkualiti dan menepati ciri-ciri yang diperlukan.

Kami juga ingin memberikan jutaan terima kasih untuk ditujukan kepada ahli keluarga yang tercinta kerana tidak pernah lelah dalam memberikan semangat, nasihat, sokongan dari segi mental serta fizikal malahan tidak berhenti dalam menitipkan doa buat kami berdua bagi menempuh perjalanan dalam menyediakan transkrip temubual ini dari awal sehingga akhir. Teristimewa bagi tokoh yang dipilih iaitu Encik Aszhari

## SENARAI ABREVIASI

| SINGKATAN                | MAKSUD                                                                                                                                                                                                                                             |
|--------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Puteri Santubong</b>  | Puteri Santubong merupakan antara perkisahan lagenda yang diketahui oleh masyarakat tempatan iaitu mengisahkan puteri kayangan yang telah disumpah menjadi gunung akibat melanggar janji. Kisah ini sinonim di kalangan masyarakat negeri Sarawak. |
| <b>Puteri Hang Li Po</b> | Puteri Hang Li Po merupakan puteri berasal dari negara China yang telah dihantar oleh dinasti Ming untuk mengahwini Sultan Mansur Shah.                                                                                                            |
| <b>Ulit Mayang</b>       | Ulit Mayang atau Ulek Mayang merupakan tarian ritual tradisional masyarakat Melayu yang berasal dari Terengganu. Tarian ini berasal daripada upacara rawatan kuno yang melibatkan tujuh orang sang puteri.                                         |
| <b>Hercules</b>          | Kisah Hercules merupakan antara mitos Greece terkenal yang berasal dari Rom.                                                                                                                                                                       |
| <b>Robin Hood</b>        | Robin Hood merupakan seorang pahlawan rakyat Inggeris yang berasal dari Abad Pertengahan. Selain itu, Robin Hood juga dikenali sebagai seorang pencuri yang licik dan sering menghadihkan hasil curiannya kepada warga miskin.                     |
| <b>Colo</b>              | Seperti teko lama                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>Jawa Kuno</b>         | Lama atau tua; berasal dari zaman dahulu                                                                                                                                                                                                           |
| <b>Songgel</b>           | Gumpalan tembakau yang dikemam dalam mulut, biasanya tersentil atau digerak-gerakkan diantara bibir atas dengan gusi                                                                                                                               |